

**RESOLUSI**  
**MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-36**  
**MUSIM HAJI 1441H/2019M**  
**22 – 23 NOVEMBER 2019**

---

1. Setiap Jemaah Haji perlu memantapkan akidah dan syariah dalam persiapan untuk pergi dan setelah pulang daripada mengerjakan ibadat haji. Pemantapan akidah dan syariah penting dalam membentuk akhlak, tingkah laku dan kesempurnaan amalan dalam Islam.
2. Menurut Mazhab Syafi'e, solat jamaah berimamkan Imam Masjidil-Haram di Anjung Tinjau Menara Jam Makkah adalah tidak sah kerana jarak saf melebihi 300 hasta (158 meter) dari bangunan masjid dan saf terputus daripada saf terakhir di dataran Masjidil-Haram.
3. Sah tawaf dengan menaiki kenderaan sama ada bagi Jemaah Haji/Umrah yang ada uzur Syar'ie atau tidak. Walau bagaimanapun, berjalan kaki lebih baik (*afdhal*) bagi yang tiada uzur syar'ie.
4. Jemaah Haji/Umrah yang keluar dari Makkah untuk melawat Bandar Taif wajib melakukan Tawaf Wada' kerana melepasi jarak qasar (2 marhalah) dan boleh baginya melakukan solat secara jamak dan qasar selepas keluar dari Makkah.
5. Sekiranya Jemaah haji *Tamattuk* pergi ke Taif sebelum Wuquf, mereka wajib berniat ihram umrah sekurang-kurangnya di Qarnul Manazil kerana mereka ada kehendak untuk mengerjakan haji semasa masuk ke Makkah.

6. Jika Jemaah Haji *Tamattuk* yang pergi ke Taif berniat haji di Qarnul Manazil, jadilah haji tersebut Haji *Tamattuk* yang tidak dikenakan Dam Tertib dan Taqdir kerana telah kembali ke Miqat asal atau mana-mana Miqat yang lima untuk berniat haji.
7. Jika Jemaah haji pergi ke Taif selepas Wuquf dan setelah selesai kerja-kerja haji, wajib berniat ihram umrah di miqat Qarnul-Manazil sekiranya mereka ada hasrat untuk mengerjakan umrah. Sekiranya tiada hasrat untuk mengerjakan umrah mereka tidak wajib berniat ihram.
8. Jemaah Haji yang sakit dan sudah berada di luar Mina sebelum 12 Zulhijjah, tidak sah Nafar Awwalnya melainkan jika beliau masuk sebentar ke Mina pada 12 Zulhijjah setelah lontaran dilakukan oleh wakilnya dan seterusnya berniat Nafar Awwal di Mina sebelum memulakan langkah keluar dari Mina.
9. Jemaah Haji yang sakit dan berada di luar Mina tetapi gagal untuk kembali semula ke Mina bagi tujuan berniat Nafar Awwal wajib melakukan lontaran ketiga-tiga Jamrah pada 13 Zulhijjah iaitu dengan mewakilkannya kepada orang lain. Jika lontaran tersebut tidak dilakukan sehingga tenggelam matahari pada 13 Zulhijjah, Jemaah Haji tersebut dikenakan Dam Tertib dan Taqdir. Walau bagaimanapun Dam tidak bermalam di Mina pada 13 Zulhijjah tidak dikenakan kerana Jemaah haji tersebut termasuk dalam kategori orang yang dikecualikan daripada bermabit di Mina.
10. Jemaah Haji yang tidak melakukan kesemua lontaran pada 10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah sehingga tamat waktunya dan dia hanya mampu membayar Dam dengan cara berpuasa sahaja, maka dia telah menjadi halal sebaik sahaja dia memulakan puasa.

11. Jemaah Haji yang tidak berkemampuan dari segi kewangan boleh membayar Dam sekali sahaja walaupun dia telah melakukan larangan ihram yang sama berulang kali (dalam kategori yang sama) selagi mana dia belum membuat bayaran Dam terhadap kesemua larangan yang telah dilakukan.
12. *Istitho'ah* sama ada yang berkaitan dengan jasmani (*badaniyyah*) atau kesihatan (*sihhiyyah*) merupakan salah satu syarat wajib haji.
13. Tidak wajib Haji dan Umrah (dengan diri sendiri) bagi mereka yang mempunyai penyakit kronik (*al-zamanah*) seperti yang disenaraikan dalam buku Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Jemaah Haji edisi terkini.
14. Orang Kurang Upaya (OKU) yang sakit seperti lumpuh separuh badan (*al-mafluj*) adalah sama seperti orang normal yang sakit tiada harapan sembuh (*al-zamanah*) di mana haji mereka boleh dibadal jika berkemampuan dari segi kewangan.
15. OKU yang sihat tetapi tidak mampu mengurus diri adalah sama seperti orang yang tidak mampu berjalan sendiri (*al-muq'ad*) di mana haji mereka boleh dibadal jika berkemampuan dari segi kewangan.
16. Orang buta diwajibkan menunaikan haji/umrah dengan sendiri (tidak harus badal) sekiranya dia mampu membiayai pengiring sepanjang mengerjakan haji/umrah.
17. Jemaah Haji yang berada di Tanah Suci hanya boleh dibadalkan sekiranya dia sakit (rawatan rapi) atau berada di Hospital Arab (tidak boleh ke Arafah) dengan syarat disahkan oleh doktor pakar bahawa beliau tiada harapan sembuh. Sekiranya dia kembali pulih dan sihat

pada masa akan datang, dia hendaklah mengulang kembali hajinya jika berkemampuan dari segi kewangan.

18. Bagi memenuhi syarat *istitho'ah*, mereka yang ingin menunaikan fardhu haji adalah bertanggungjawab membiayai perbelanjaan sebenar mengikut kadar semasa yang ditentukan oleh pihak berkuasa.

19. Berkemampuan dengan bantuan orang lain (*istitho'ah bighairihi*) bermaksud tidak mampu menunaikan haji dengan sendiri, dan bukannya bermaksud mesti ada pengiring untuk mereka pergi haji. Oleh itu haji golongan ini boleh dibadal.

**-Tamat-**